



**SEMINAR TERTUTUP
PEMANTAPAN NILAI ISLAM
DALAM SISTEM ADAT PERPATIH**

KERTAS KERJA 5

**TANAH ADAT NEGERI SEMBILAN,
PERMASALAHAN DAN CABARAN**

Oleh

En. Sulaiman bin Kadimi

Penolong Pengarah

Seksyen Pembahagian Pusaka

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Sembilan Darul Khusus

Pada

24hb. - 25hb. November 1997

Anjuran

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI

dengan kerjasama

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN **"PERMASALAHAN DAN CABARAN"**

1. DIFINASI MENGIKUT ORANG BIASA

- 1.1. Mengikut istilah orang kampung tanah adat bermaksud "tanah pusaka". Ianya dipanggil pusaka kerana diperolehi melalui perwarisan secara turun-temurun melebihi dari satu generasi.
- 1.2. Harta peninggalan seseorang yang telah mati yang diperolehi melalui hasil usahanya sendiri seperti melalui permohonan tanah Kerajaan (tanah kurnia) atau dibeli dengan harga pasaran dikenali sebagai "harta carian".

2. DEFINASI MENGIKUT UNDANG-UNDANG

- 2.1. "Tanah Adat" bermaksud mana-mana tanah dibawah hakmilik Pejabat Tanah yang telah didaftarkan atau di"cop" perkataan "Customary Land" di atas daftar hakmilik tanah berkenaan.
- 2.2. Selain daripada perkataan "customary land" kadang-kadang ditambah dengan perkataan-perkataan seperti Dato"Raja Di Muda, Dato'Paduka Besar, Dato" Besar dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini adalah menjelaskan gelaran-gelaran Dato'Lembaga yang menjadi Ketua Suku kepada pemilik tanah-tanah berkenaan.
- 2.3. Ada juga ditambah dengan perkataan-perkataan "Tiga Batu Nesan Tinggi, Mungkal Kemus, Biduanda Kebangsa" dan sebagainya selepas perkataan "customary land" tadi. Perkataan-perkataan ini adalah menjelaskan nama "Suku (Tribes) dan Perut (Subtribes)" kepada pemilik tanah-tanah itu.

3. BAGAIMANA WUJUDNYA TANAH PUSAKA

- 3.1. Penempatan awal orang-orang Negeri Sembilan selain daripada Orang Melayu Asli, sebahagian besarnya daripada masyarakat Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.
- 3.2. Mereka datang secara berkumpulan, melalui Kuala-kuala Sungai sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia lalu mudek ke hulu membuka dan meneroka penempatan awal di lembah kiri kanan sungai-sungai berkenaan yang sesuai dengan tanaman padi iaitu makanan asasi mereka.
- 3.3. Kedarat sedikit daripada kawasan padi ini iaitu di kawasan yang tidak dibanjiri air mereka mendirikan rumah-rumah kediaman sebagai kampung mereka yang ditanam dengan pokok buah-buahan.
- 3.4. Kumpulan-kumpulan pendatang ini memperkenalkan diri mereka mengikut nama tempat di Sumatera Barat iaitu tempat asal mereka datang, misalnya "Orang Tanah Datar, Orang Paya Kumbuh, Orang Batu Hampar, Orang Anak Acheh, Orang Tiga Batu dan sebagainya. Mereka ada ketua masing-masing yang mempunyai gelaran-gelaran tertentu.
- 3.5. Masa pun beredar, generasi awal peneroka tanah-tanah ini telah meninggal dunia dan pemilikannya berganti kepada keturunannya mengikut sistem perwarisan yang diamalkan dalam adat mereka iaitu Adat Perpateh.
- 3.6. Ketua-ketua Suku akan menentukan sesiapa dikalangan anak-anak simati yang layak mewarisi dan menentukan tanah-tanah simati yang akan mereka warisi serta bahagian-bahagian mereka di atas tanah-tanah itu. Mulai dari saat itu tanah-tanah tersebut dikenali sebagai "Tanah Pusaka".

4. **PENGENALAN UNDANG-UNDANG
TANAH BERTULIS DI NEGERI SEMBILAN.**

- 4.1. Penjajah Inggeris mula campur tangan di Negeri Sembilan pada tahun 1874. Pentadbiran Tanah diperkenalkan beberapa tahun selepas itu iaitu pada tahun 1880'an.
- 4.2. Undang-undang Tanah yang mula-mula dipakai di Negeri Sembilan dikenali sebagai "Sungai Ujong Land Regulations 1887". Pemakaiannya untuk Daerah Seremban dan Jelebu yang berkuatkuasa pada 9.4.1887.

5. **PENGENALAN UNDANG-UNDANG TANAH
BERTULIS DI DAERAH KUALA PILAH DAN JEMPOL.**

- 5.1. Apabila Daerah Kuala Pilah dan Jempol diletakkan di bawah Pentadbiran Inggeris pada 4.6.1887. Undang-undang Tanah di atas telah diubahsuai untuk mentadbirkan tanah dalam dua daerah ini, dan dikenali sebagai "Land Regulations 1887".
- 5.1. Berdasarkan kepada undang-undang ini tanah-tanah kampung dan sawah yang sudah diteroka yang dikenali sebagai "tanah pusaka" dimasukkan dalam "Tanah Kelas Dua" iaitu tanah yang diduduki oleh Bumiputra dan didaftarkan sebagai "Malay Grant (Geran Melayu)". Ianya mestilah didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah.
- 5.3. Contoh "Geran Melayu" dan butir-butir yang terkandung dalam geran tersebut adalah seperti berikut :
- (i) No.Geran : 8
 - (ii) Nama : Hajah Tipah binti Karim
Kampung Seberang Muar bermukim
di Masjid Kuala Terachi.
 - (iii) Suku : Tanah Datar
 - (iv) Lembaga : Dato'Paduka Besar
 - (v) Bilangan : 5 orang di dalam rumah.

- | | | | |
|--------|------------------------|---|-------------------------------------|
| (vi) | Jenis tanaman | : | Sawah enam jinjang dan satu kampung |
| (vii) | Sempadan sebelah hilir | : | Seraya |
| (viii) | Sempadan sebelah hulu | : | Buntal |
| (ix) | Tarikh didaftarkan | : | 17hb.Ogos 1887 |
| (x) | Cukai | : | Enam ratus pari hasil atau \$1.50 |

Urusniaga : Pindahmilik perserahan No.80/99 dipindahmilik kepada Minah bte Haji Kadir pada 23.10.1899

6. Pengenalan Undang-Undang Tanah Bertulis di Daerah Rembau, Tampin dan Daerah Kecil Gemas.

6.1. Apabila Daerah Rembau, Tampin dan Daerah Kecil Gemas diletakkan di bawah Pentadbiran Inggeris pada : 17.9.1887, undang-undang tersebut digunapakai bagi kedua daerah ini. " Tanah Pusaka " didaftarkan sebagai "old Titles" contohnya :

- | | | | |
|-------|--------------------|---|-----------------------------------|
| (i) | No.Geran | : | 1 |
| (ii) | Nama | : | Sara binti Orang Kaya Minangkabau |
| (iii) | Suku | : | Biduanda Kampung Tanjong |
| (iv) | Lembaga | : | Dato' Perba |
| (v) | Bilangan orang | : | Tidak dinyatakan |
| (vi) | Jenis tanaman | : | Kampung dan Sawah |
| (vii) | Tarikh didaftarkan | : | 20.10.1888 |

Contoh Lain :

- | | | | |
|-------|--------------------|---|---------------------------|
| (i) | No.Geran | : | 100 |
| (ii) | Nama | : | Aminah bte Kulop |
| (iii) | Suku | : | Biduanda Kampung Bangkong |
| (iv) | Lembaga | : | Dato' Perba |
| (v) | Bilangan orang | : | Tidak dinyatakan |
| (vi) | Jenis tanaman | : | Kampung dan Sawah |
| (vii) | Tarikh didaftarkan | : | 21.10.1888 |

- 9.5. Kebiasaannya mereka, walaupun tanah sudah didaftarkan di atas nama individu tetapi sentimen, "tanah pusaka adalah kepunyaan suku", masih lagi menebal, oleh itu sekiranya berlaku pertukaran nama dengan sebab jual beli maka mereka lebih cenderung untuk memilih pembeli perempuan dari suku dan perut yang sama.
- 9.6. Tetapi amalan turun-menurun ini adalah undang-undang tidak bertulis, sekiranya ada tawaran harga yang sangat baik dari golongan pedagang tadi atau atas desakan ekonomi kerana meminjam wang dari golongan "chettiar" maka berlakulah pindahmilik yang diluar daripada amalan adat tadi.
- 9.7. Tambahan pula seperti butir-butir dalam Hakmilik Sambungan di perenggan 8.2. di atas tidak dinyatakan Nama Suku dan Nama Dato' Lembaga, jadi seolah-olah tanah itu adalah hakmilik mutlak individu sebagaimana yang tercatat dalam geran tanah itu.
- 9.8. Oleh yang demikian tanah yang pada asalnya "tanah pusaka" dan kepunyaan suku tertentu tadi, telah hilang segala sekatan kepentingannya, ia adalah tanah "freehold" serta amat mudah untuk dipindahmilik dan jatuh kepada golongan pedagang, chettiar dan peladang Eropah tadi.
- 9.9. Oleh itu Pentadbir Inggeris telah memperkenalkan undang-undang tanah adat bagi mengekalkan amalan adat mereka supaya tanah-tanah pusaka mereka tidak berpindah milik kepada orang di luar daripada suku mereka.
- 9.10. Dato'-dato' Lembaga berpendapat, tanah pusaka adalah sesuatu yang asasi dalam adat, ia bukanlah sesuatu yang boleh diubah-ubah, sebarang perubahan bererti merosakkan adat itu sendiri.
- 9.11. Dalam bentuk perbilangan ia dinyatakan "tanah pusaka tak lemak oleh santan, tak kuning oleh kunyit, tak lapuk oleh hujan, tak lenggang oleh panas, dianjak layu dicabut mati.

**10. PENGENALAN UNDANG-UNDANG
TANAH ADAT DAN PELAKSANAANNYA.**

- 10.1. Undang-undang tanah adat yang mula-mula diperkenalkan ialah "Customary Tenure Enactment 1909 (Enactment No.17 of 1909)" dan berkuatkuasa pada 1.11.1909. Sepanjang pemakaiannya ia telah dipinda dua kali iaitu pada tahun 1911 (NS.No.1 of 1911) dan tahun 1919 (NS.No.1 of 1919).
- 10.2. Seksyen 2(i) Enakmen tersebut memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk mencatatkan perkataan "Customary Land" dalam Buku Daftar Dokumen Hakmilik Pejabat Tanah dan seterusnya, Seksyen 2(ii) memberi kuasa untuk mencatatkan perkataan yang sama dalam Dokumen Hakmilik Keluaran (geran) yang disimpan oleh pemilik tanah berkenaan.
- 10.3. Tanah yang boleh dicatat sedemikian ialah mana-mana tanah yang didaftar dalam "Mukim Registers" dan didaftarkan mengikut peruntukan Bahagian III The Land Enactment 1903 iaitu undang-undang tanah selepas Land Enactment 1897. Di Daerah Tampin, Gemas dan Rembau ia adalah merujuk kepada mana-mana tanah yang telah didaftarkan dalam Geran Lama (Old Titles) seperti perenggan 6.2 di atas. Di daerah Kuala Pilah dan Jempol merujuk kepada "Geran Melayu (Malay Grant)" seperti perenggan 5.3. atau hakmilik sambungannya seperti perenggan 8.2. di atas.
- 10.4. Selain dari itu, mengikut peruntukan seksyen 2(i) (a) Enakmen berkenaan, membolehkan mana-mana "Tanah Carian" yang didaftar dalam "Mukim Registers" dengan melalui permohonan untuk dicatat perkataan "customary land". Tetapi catitan ini tertakluk kepada bantahan dan rayuan daripada mana-mana pihak yang ada kepentingan.

10.5. Yang peliknya perkataan "Tanah Pusaka" apabila diperkanunkan dalam undang-undang di kenali sebagai "Customary Land" dan perkataan ini apabila diterjemahkan kedalam bahasa Melayu sebagai "Tanah Adat" sebab itulah timbul pengertian yang berbeza diantara orang kampung dengan Pentadbir Tanah mengenai istilah ini.

11. **UNDANG-UNDANG TANAH RIZAB MELAYU
DAN KESANNYA KEATAS TANAH ADAT.**

11.1. Di Negeri Sembilan undang-undang tanah rizab Melayu yang mula-mula dipakai ialah "Malay Reservations Enactment 1913 (Enactment No.15 of 1913) yang berkuatkuasa pada 1.1.1914. Undang-undang ini kemudian dimansuhkan pada 15.12.1933 dan diganti dengan Enakmen Rizab Melayu (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 142).

11.2. Di Negeri Sembilan kesemua tanah-tanah yang telah dicatit perkataan "Customary Land" telah diwartakan kedalam kawasan Rizab Melayu, tetapi tidak semestinya tanah rizab Melayu dicatit perkataan "customary land". Oleh itu semua tanah-tanah yang dicatit perkataan "customary land" akan juga dicatit dengan perkataan "Malay Reservation" dalam Buku Daftar Dokumen Hakmilik dan Dokumen Hakmilik Keluarannya.

11.3. Oleh itu urusan niaga dan apa-apa urusan lain di atas tanah-tanah tersebut tertakluk kepada tiga undang-undang iaitu :- Land Enactment 1903 atau pindaan-pindaan selepasnya yang sekarang dikenali sebagai Kanun Tanah Negara 1965, Keduanya Enakmen Rizab Melayu (FMS Bab 142) dan ketiganya "Customary Tenure Enactment 1909 atau pindaan-pindaan selepasnya yang sekarang dikenali sebagai Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) Tahun 1960.

11.4. Walaupun demikian sekiranya terdapat peruntukan-peruntukan yang bertentangan diantara ketiga-tiga undang-undang tersebut maka peruntukan Undang-undang Adat mengatasi kedua undang-undang yang lain dan seterusnya Enakmen Rizab Melayu Bab 142 mengatasi Kanun Tanah Negara 1965.

12. PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG TANAH ADAT SELANJUTNYA

12.1. Oleh sebab terdapat kelemahan-kelemahan dalam "Customary Tenure Enactment 1909" maka pindaan-pindaan selanjutnya telah dibuat keatas undang-undang tersebut.

12.2. Pada tahun 1926, ia diganti dengan "Customary Tenure Enactment 1926 (No.1 of 1926)" Enakmen ini juga mengalami beberapa pindaan pada tahun 1930, 1932 dan 1934.

12.3. Pada tahun 1936, satu kajian serta semakan yang menyeluruh telah dibuat dan hasilnya ialah satu "statute" yang dipanggil "Customary Tenure Enactment Capter 215 of the Revised Laws of the FMS 1936", atau yang dikenali pada masa sekarang dengan nama Enakmen Pemegangan Adat Bab 215.

12.4. Enakmen tersebut juga mengalami beberapa pindaan iaitu pada 30.8.1949 yang dikenali sebagai "Customary Tenure Ordinace 1949", keduanya pada 21.8.1952. Ketiganya pada : 21.6.1960, dan keempatnya pada : 15.12.1983. Ini adalah pindaan yang paling akhir setakat ini.

13. PEMAKAIAN ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT BAB 215

- 13.1. Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 digunakan untuk mentadbirkan tanah-tanah adat di daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelevu, Rembau, Tampin dan daerah Kecil Gemas. Dari segi pentadbiran adat ia meliputi Wilayah-wilayah Adat Luak Tanah Mengandung (Luak Ulu Muar, Luak Terachi, Luak Inas, Luak Gunung Pasir, Luak Jempol), Luak Jelevu, Luak Rembau, Wilayah Adat Tengku Besar Tampin, Luak Gemencheh dan Wilayah Adat Penghulu Pusaka Air Kuning.
- 13.2. Tanah-tanah adat yang dikawal oleh Enakmen ini adalah kepunyaan Suku-Suku (Tribes) berikut : Biduanda (sama ada Biduanda Waris atau Dagang), Batu Hampar, Seri Melenggang (Semelenggang), Tanah Datar, Seri Lemak (Seri Lemak Minangkabau, Seri Lemak Pahang, Seri Lemak Waris), Mungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumbuh, Anak Melaka, Anak Aceh dan Batu Belang.
- 13.3. Enakmen ini tidak terpakai bagi daerah Seremban dan Port Dickson atau dari segi pentadbiran adat, bagi Luak Sungai Ujong dan Wilayah Adat Dato' Muda Linggi, sebabnya kedua daerah atau wilayah adat tersebut tidak mempunyai tanah adat. Kedudukan wilayah-wilayah adat tersebut dalam peta Negeri Sembilan ditunjukkan dalam Lampiran A.

14. PEMAKAIAN ENAKMEN PEMEGANGAN ADAT (TANAH LENGKONGAN) 1960.

- 14.1. Pada tahun 1960, serentak dengan pindaan ketiga di atas Enakmen Pemegangan Adat Bab 215, telah dibuat undang-undang yang khusus bagi tanah-tanah kepunyaan masyarakat "Adat Lengkonan" yang dikenali sebagai "Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkonan) Tahun 1960".
- 14.2. Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkonan) Tahun 1960 digunakan untuk mentadbirkan tanah-tanah adat lengkonan di daerah Kuala Pilah sahaja, atau dari segi pentadbiran adat ia meliputi Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir dan sebahagian daripada Luak Jempol.

- 14.3. Adat Lengkongan ialah adat yang diamalkan oleh masyarakat bagi keturunan anggota adat perpatih yang pernah menjadi "tempat semenda" dan/atau keturunan bagi hamba sahaya yang pernah berkhidmat dengan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.
- 14.4. Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan (Yamtuan) berasal dari Pagar Ruyung, Laras Kota Piliang, Sumatera Barat dan mengamalkan "Adat Ketemenggungan". Oleh itu "Adat Lengkongan" ialah hasil dari interaksi antara "Adat Perpatih dan Adat Temenggung".
- 14.5. Suku-suku (Tribes) yang termasuk dalam masyarakat "Adat Lengkongan" ialah :-
- 14.5.1. Suku-suku Lengkongan Astana, Air Kaki Pada Yamtuan, dan mereka terdiri daripada suku-suku berikut :-
- (a) Batu Hampar Air Kaki Yang Jernih.
 - (b) Tanah Datar Lengkongan Yamtuan termasuk Tanah Datar Kampung Pauh, Gunung Pasir.
 - (c) Anak Aceh Lengkongan Yamtuan
 - (d) Seri Lemak Pahang Lengkongan Yamtuan (Dato' Andatar).
 - (e) Seri Lemak Minangkabau Lengkongan Yamtuan (Dato' Andatar)
 - (f) Tiga Batu Lengkongan Yamtuan (Dato' Besar)
- 14.5.2. Suku-suku Lengkongan yang lain seperti berikut :-
- (a) Seri Lemak Pahang Kampong Senaling (Dato' Andika).
 - (b) Seri Lemak Pahang Kampong Peraku (Dato' Sutan Bentara).
 - (c) Batu Hampar Empat Puluh Kampong Pelangai (Dato' Raja Panglima).
 - (d) Tanah Datar Kampong Gunung Pasir (Dato' Johan).
 - (e) Batu Hampar Kampong Telapak (Dato' Maharaja).
 - (f) Batu Hampar Kampong Tengah (Dato' Membesar)

- 14.6. Gelaran dalam kurungan selepas nama suku-suku diatas adalah merupakan Ketua Adat yang mewakili mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan tanah adat.
- 14.7. Bagi suku-suku di perenggan 14.5.1.(a, b, c) di atas, mereka diwakili oleh salah seorang daripada Orang Empat Istana yang bergelar Dato' Seri Amar DiRaja, Dato Raja Diwangsa, Dato' Akhirulzaman, dan Dato' Penghulu Dagang. Salah seorang daripada mereka juga boleh mewakili suku-suku di perenggan 14.5.1. (d, e, f)

**15. AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN)
1955 DAN KAITANNYA DENGAN TANAH ADAT.**

- 15.1. Pada tahun 1955 satu undang-undang mengenai pembahagian harta pusaka kecil telah dibuat yang dikenali sebagai "Small Estates (Distribution) Ordinance 1955" dan ia mula berkuatkuasa di Negeri Sembilan pada 1.7.1957.
- 15.2. Bahagian III yang bertajuk "Special Provisions Relating To Negeri Sembilan" yang mengandungi seksyen 20 hingga 25, dalam undang-undang di atas menerangkan cara-cara pembahagian harta pusaka masyarakat tanah adat dimana tanah-tanah tersebut belum lagi atau tidak dicatit perkataan "Customary Land".
- 15.3. Harta-harta mereka mungkin terdiri dari salah satu atau kombinasi dari harta "tanah pusaka turun-menurun, harta pembawaan, harta dapatan, harta carian bujang, dan harta carian laki bini. Selepas pembahagian harta-harta di atas Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk mencatatkan perkataan "Customary Land" sekiranya waris-waris mereka berhajat supaya tanah itu hendak ditadbirkan mengikut adat.
- 15.4. Walaupun demikian mengikut pengalaman penulis, "trend" masyarakat adat sekarang lebih cenderung untuk membahagi harta tersebut mengikut undang-undang Islam (faraid) atau muafakat sesama waris bagi harta-harta seperti di atas.

15.5. Majlis Perunding Islam, Jabatan Kemajuan Islam, di JPM telah menyarankan pindaan dibuat dalam peruntukan tersebut. Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah memberi persetujuan dan telah dimaklumkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan. Sekarang deraf pindaan telah dihantar kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui Jabatan Tanah dan Galian Negeri Sembilan serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk tindakan selanjutnya.

16. KEDUDUKAN TANAH ADAT PADA MASA SEKARANG

16.1. Dokumen Hakmilik yang dicatit "Customary Land" mestilah Dokumen Hakmilik Pejabat Tanah dan tidak sekali-kali Dokumen Hakmilik Pejabat Pendaftar Geran.

16.2. Bilangan Hakmilik yang telah dicatit "Customary Land" berbanding dengan Hakmilik Pejabat Tanah yang terdiri dari HS(M), GM, LM, EMR dan AA, di Negeri Sembilan pada 30.6.1997 adalah seperti berikut :-

<u>Jumlah Hakmilik Pejabat Tanah</u>	<u>Yang Dicatit "Customary Land"</u>	<u>Perbandingan "Peratus"</u>
169,534	20,344	11.99%

16.3. Sekiranya bilangan Hakmilik ini dijumlah dengan Hakmilik Pejabat Pendaftar yang terdiri dari HS(D), Geran, Grant, Grant For Land dan States Lease (Pajakan Negeri) maka perbandingannya adalah seperti berikut :-

(i)	Jumlah Hakmilik Pejabat Pendaftar	:	193,429
(ii)	Jumlah Hakmilik Pejabat Tanah	:	169,534
(iii)	Jumlah Hakmilik Keseluruhan	:	362,963
(iv)	Hakmilik Dicatit "Customary Land"	:	20,344
(v)	Perbandingan dalam peratus	:	5.60%

7. KESAN PENGENALAN UNDANG-UNDANG TANAH BERTULIS KEATAS MASYARAKAT ADAT DI NEGERI SEMBILAN.

- 7.1. Daftar Hakmilik Tanah yang dikeluarkan di bawah "Land Regulations 1887" seperti di atas adalah merupakan geran tanah yang tidak lengkap. Ia tidak mempunyai sempadan yang tetap, tidak dinyatakan keluasan piawai dan tidak ada pelan.
- 7.2. Tujuan awal dikeluarkan adalah untuk memungut cukai tanah, mendapatkan maklumat mengenai jumlah penduduk dan menentukan kawasan dalam satu-satu daerah yang sudah diteroka.
- 7.3. Sebelum geran-geran tanah seperti di atas dikeluarkan, kumpulan peneroka yang awal dan generasi yang mewarisi selepasnya tidak menganggap tanah-tanah ini sebagai hakmilik mutlak individu tetapi sebaliknya mereka menganggap tanah tersebut sebagai milik bersama dalam suku tersebut.
- 7.4. Hanya apabila sistem hakmilik hendak dikeluarkan maka Pentadbir-Pentadbir Tanah perlu memikirkan kepada siapa tanah itu hendak didaftarkan.
- 7.5. Memandangkan orang lelaki akan keluar dan tinggal di rumah isterinya apabila berkahwin sedangkan orang perempuan akan terus menetap di tanah tersebut dan atas nasihat dari Dato'-Dato' Lembaga pada masa itu maka kesemua tanah-tanah pusaka tersebut telah didaftarkan atas nama perempuan.

8. BENTUK HAKMILIK TANAH PUSAKA SELANJUTNYA

- 8.1. Berdasarkan kepada undang-undang tanah yang berikutnya iaitu "Land Enactment 1897" dan dengan pengwujudan Jabatan Ukur, tanah-tanah tersebut telah diukur dan ditetapkan sempadanya serta dijadikan dua lot berasingan iaitu tanah kampung dan tanah sawah.
- 8.2. Contohnya, tanah di perenggan 5.3. di atas diberi hakmilik sambungan dan butir-butir "items"nya adalah seperti berikut :

Tanah Kampung

(i)	No.Hakmilik	:	EMR 572
(ii)	No.Lot	:	1895
(iii)	Hakmilik Asal	:	MG 8 Book 1
(iv)	Nama Tempat	:	Seberang Muar, Kuala Terachi
(v)	Mukim	:	Ampang Tinggi
(vi)	Daerah	:	Kuala Pilah
(vii)	Kegunaan	:	Tanah Kampung
(viii)	Hakmilik Didaftarkan	:	11.8.1915
(vix)	Hakmilik Dikeluarkan	:	12.11.1915
(x)	Sempadan Utara	:	Tanah Kerajaan
(xi)	Sempadan Selatan	:	Lot 1896
(xii)	Sempadan Timur	:	Lot 1893
(xiii)	Sempadan Barat	:	Lot 1654
(xiv)	Cukai Tahunan	:	\$1.20 setahun
(xv)	Keluasan	:	1 ekar 1 role 20 pole
(xvi)	Tempoh Hakmilik	:	Pemberian selama-lamanya
(xvii)	Nama Tuan Tanah	:	Minah bte Hj.Kadir - semua bahagian.

Tanah Sawah

(i)	No.Hakmilik	:	EMR 513
(ii)	No.Lot	:	1896
(iii)	Hakmilik Asal	:	MG 8 Book1
(iv)	Nama Tempat	:	Seberang Muar, Kuala Terachi
(v)	Mukim	:	Ampang Tinggi
(vi)	Daerah	:	Kuala Pilah
(vii)	Kegunaan	:	Tanah Kampung
(viii)	Hakmilik Didaftarkan	:	11.8.1915
(vix)	Hakmilik Dikeluarkan	:	12.11.1915
(x)	Sempadan Utara	:	Tanah Kerajaan
(xi)	Sempadan Selatan	:	Lot 1895
(xii)	Sempadan Timur	:	Lot 1894
(xiii)	Sempadan Barat	:	Lot 1655
(xiv)	Cukai Tahunan	:	\$2.20 setahun
(xv)	Keluasan	:	2 ekar 3 role 20 pole
(xvi)	Tempoh Hakmilik	:	Pemberian selama-lamanya
(xvii)	Nama Tuan Tanah	:	Minah bte Hj.Kadir - semua bahagian.

- 8.3. Selain daripada butir-butir yang dinyatakan seperti di atas tiap-tiap hakmilik tanah itu disertakan dengan pelan yang menyatakan lokasi dan keluasan tanah.
- 8.4. Dengan membandingkan butir-butir tanah seperti di perenggan 5.3 dengan perenggan 8.2 di atas, walaupun terdapat tujuh belas butir-butir "items (perkara)" tanah yang dinyatakan dalam perenggan 8.2 berbanding dengan hanya sepuluh butir-butir "items (perkara)" tanah di perenggan 5.3 tetapi dua "items" daripadanya iaitu Nama Suku dan Gelaran Dato' Lembaga suku itu tidak dinyatakan dalam Hakmilik sambungan seperti di perenggan 8.2. di atas.

9. **KEDATANGAN GOLONGAN PEDAGANG DAN PELADANG
DI NEGERI SEMBILAN DAN KESANNNYA KEATAS TANAH PUSAKA.**

- 9.1. Bermula dari tahun 1900 dan keatas, ramai pedagang-pedagang China dari Negeri-negeri Selat (Melaka terutamanya), pedagang-pedagang India dari golongan peminjam wang (chettiar), dan peladang-peladang Eropah, datang ke Negeri Sembilan lalu membuka penempatan secara berkelompok dan ladang-ladang untuk ditanam getah.
- 9.2. Kawasan penempatan berkelompok tadi lama kelamaan mewujudkan pekan-pekan baru ditengah-tengah masyarakat tanah pusaka, contohnya seperti Kuala Pilah, Tanjung Ipoh, Batu Kikir, Bahau, Rembau, Chengkau, Kota, Tampin, Rompin, Gemas, Kuala Klawang dan pekan-pekan lain.
- 9.3. Sementara itu peladang-peladang Eropah yang membuka ladang-ladang getah meneroka tanah-tanah ladang mereka di luar daripada kawasan tanah pusaka lokasi penempatan ladang-ladang tersebut seolah-olah mengelilingi kawasan masyarakat tanah pusaka.
- 9.4. Oleh itu tanah-tanah pusaka yang kedudukannya berhampiran dengan kawasan penempatan pekan-pekan dan yang berhampiran dengan ladang-ladang tadi biasanya mempunyai nilai ekonomi yang lebih baik dan kerap kali berlaku uusniaga di luar daripada amalan adat.

16.4. Sekarang kita lihat perbandingan berdasarkan kepada keluasan. Keluasan "tanah adat" berbanding dengan luas tanah rizab Melayu mengikut daerah di Negeri Sembilan pada 30.6.1997 adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Keluasan Tanah Rizab Melayu (Hektar)	Keluasan Tanah Adat (Hektar)	Perbandingan "Peratus"
1.	Kuala Pilah	83,301.12	7,284.53	8.74%
2.	Rembau	31,763.95	5,131.72	16.16%
3.	Tampin *	23,980.55	838.59	3.50%
4.	Jempol	15,155.42	687.87	4.54%
5.	Jelevu	45,730.80	39.23	0.09%
6.	Seremban	6,010.63	-	0.00%
7.	Port Dickson	4,532.75	-	0.00%
JUMLAH		210,474.22	13,981.94	6.64%

16.5. Keluasan "tanah adat" dibandingkan dengan keluasan tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan pada tarikh yang sama adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Keluasan Tiap-Tiap Daerah (Hektar)	Keluasan Tanah Adat (Hektar)	Perbandingan "Peratus"
1.	Kuala Pilah	109,042	7,284.53	6.68%
2.	Rembau	41,418	5,131.72	12.39%
3.	Tampin *	87,805	838.59	0.96%
4.	Jempol	138,569	687.87	0.50%
5.	Jelevu	136,756	39.23	0.03%
6.	Seremban	95,133	-	0.00%
7.	Port Dickson	55,868	-	0.00%
JUMLAH		664,591	13,981.94	2.10%

16.6. Taburan keluasan, bilangan lot dan bilangan hakmilik tanah adat mengikut daerah di Negeri Sembilan adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Keluasan (Hektar)	Bilangan Lot	Bilangan Hakmilik
1.	Kuala Pilah	7,284.53	9,950	9,945
2.	Rembau	5,131.72	8,622	8,587
3.	Tampin *	838.59	1,013	992
4.	Jempol	687.87	809	759
5.	Jelebu	39.23	64	63
6.	Seremban	-	-	-
7.	Port Dickson	-	-	-
JUMLAH		13,981.94	20,458	20,344

* Bagi daerah Tampin termasuk daerah Kecil Gemas.

16.7. Daripada data-data di atas jelas didapati bahawa keluasan "tanah adat" tidaklah begitu besar. Daripada pengalaman penulis bilangan pemilik-pemilik tanah masyarakat adat yang memohon supaya tanahnya dicatit "Customary Land" sangat jarang sekali. Tanah-tanah adat yang kedudukannya berhampiran dengan kawasan berpotensi untuk pembangunan kerap kali diambil balik melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang mensyaratkan tanah-tanah ini diganti balik.

16.8. Semua faktor-faktor diatas sebenarnya akan mengurangkan tanah adat samada dari segi bilangan hakmilik dan keluasan, yang mana pada akhirnya nanti pengaruh tanah adat tidak begitu signifikan dalam kehidupan masyarakat adat pada masa akan datang.

**17. PENGIKTIRAFAN "UNDANG-UNDANG ADAT"
OLEH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.**

- 17.1. Perkara 90(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan "tiada apa-apa jua dalam Perlembagaan ini boleh menyentuh (menyangkal) sahnyanya apa-apa sekatan yang dikenakan oleh Undang-undang keatas pindahmilik atau pemajakan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, atau pindahmilik atau pemajakan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu.
- 17.2. Seterusnya Perlembagaan itu memberi tafsiran pindahmilik yang dimaksudkan dalam perenggan 17.1 ialah, pindahmilik diantara orang yang hidup dengan hidup, turunmilik melalui perwarisan, gadaian, perwujudan sesuatu lien, pengwujudan amanah, pemasukan sesuatu caveat, atau apa-apa juga perihal atau jenis.
- 17.3. Pemajakan ialah hak menduduki dan menggunakan yang diberikan oleh pemilik tanah secara bertempoh dan ia termasuk sesuatu tenansi dari apa-apa juga bentuk atau jangka masa.
- 17.4. Mengikut Jadual Kesembilan, Senarai 2 (senarai Negeri bil:1), Perlembagaan Persekutuan, menyatakan perkara mengenai adat istiadat Melayu adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Badan Perundangan Negeri berkuasa untuk membuat undang-undang mengenainya mengikut Perkara 74(2) Perlembagaan itu.

**18. PENGIKTIRAFAN "UNDANG-UNDANG ADAT"
OLEH PERLEMBAGAAN NEGERI.**

- 18.1. Fasal 16, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan menyatakan, hendaklah ada sebuah "Dewan Keadilan dan Undang" untuk menasihatkan atas soal-soal berkenaan adat istiadat orang-orang Melayu dimana-mana tempat dalam negeri ini atau atas lain perkara yang boleh disampaikan kepadanya oleh Duli Yang Maha Mulia atau siapa-siapa daripada Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin dan bagi menjalankan kewajipan yang boleh diberikan kepadanya oleh Perlembagaan atau sebarang Undang-undang yang berkuasa.

18.2. Fasal 32, Undang-undang itu menyatakan, peraturan dan adat zaman purbakala yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpateh ini adalah terpelihara selagi ia tidak berlawanan dengan Perlembagaan Negeri.

19. **PENGIKTIRAFAN "UNDANG-UNDANG ADAT"
OLEH UNDANG-UNDANG TANAH YANG LAIN**

19.1. Kanun Tanah Negara 1965 telah mengiktiraf penggunaan peraturan adat dalam pentadbiran tanah mengikut peruntukan dibawah Seksyen 4(2)(a) yang menyatakan kecuali setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa jua dalam Akta ini (KTN) boleh menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa mengenai Pemegangan Adat.

19.2. Seksyen 1(iii) Enakmen Rizab Melayu FMS Bab 142 menyatakan ; tidak ada dalam Enakmen ini mengandungi apa-apa peruntukan yang memberi kesan kepada mana-mana peruntukan dalam Enakmen Pemegangan Adat di Negeri Sembilan.

20. **KESAN PENGIKTIRAFAN TERSEBUT KE ATAS
UNDANG-UNDANG ADAT DI NEGERI SEMBILAN.**

20.1. Kesannya ialah kedudukan kedua-dua Enakmen iaitu Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkungan) 1960 adalah mengatasi peruntukan undang-undang tanah yang lain dan terpelihara dibawah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

20.2. Segala peraturan dan apa-apa sekatan yang dikenakan keatas apa-apa urusan yang berkaitan dengan tanah adat dan dijelaskan dengan nyata dalam peruntukan undang-undang tersebut akan terus terpakai walaupun ia mungkin bertentangan dengan peruntukan undang-undang lain yang disebutkan di atas.

21. URUSAN UNTUK MENCATIT PERKATAAN "TANAH ADAT"

21.1. Peruntukan untuk mencatat perkataan "tanah adat" dalam Hakmilik tanah dibuat melalui cara dan keadaan seperti berikut :

21.1.1. Mengikut peruntukan dibawah Seksyen 4(i) EPA.Bab 215 dan Seksyen 4(1) EPA (Tanah Lengkongan) 1960 Pentadbir Tanah diberikuasa untuk mencatatkan perkataan "tanah adat" dan "tanah adat lengkongan" dalam mana-mana tanah pusaka dibawah daftar mukim (tanah yang didaftarkan dibawah hakmilik Pejabat Tanah) melalui undang-undang tanah yang dahulu, sekiranya pemilik tanah-tanah tersebut adalah perempuan dan mereka terdiri dari anggota masyarakat adat.

21.1.2. Mengikut peruntukan dibawah Seksyen 4(ii) EPA.Bab 215 tanah-tanah dibawah daftar mukim yang diberimilik kepada orang perempuan masyarakat adat boleh memohon supaya hakmiliknya dicatit dengan perkataan "tanah adat". Permohonan ini dengan menggunakan borang yang ditentukan oleh Pejabat Tanah.

21.1.3. Mengikut peruntukan dibawah Seksyen 24(a,b,c) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, tanah-tanah dibawah daftar Mukim yang terdiri dari tanah pusaka turun-temurun, tanah pembawaan (harga pembawaan), tanah dapatan (harta dapatan), tanah atau harta carian bujang, tanah atau harta carian laki bini boleh dicatit perkataan "tanah adat" selepas pembahagian harta-harta berkenaan sekiranya waris-waris bersetuju harta-harta itu hendak ditadbirkan mengikut adat.

21.2. Amalan mencatat perkataan "tanah adat" mengikut perenggan 21.1.1. dan 21.1.3 boleh dikatakan tidak ada langsung pada masa ini. Hanya permohonan mengikut perenggan 21.1.2. sahaja yang masih berjalan tetapi bilangannya tidak banyak.

22. URUSAN PINDAHMILIK TANAH ADAT

- 22.1. Pindahmilik yang dimaksudkan di sini mempunyai makna yang serupa dengan pindahmilik mengikut peruntukan Bahagian 14 Seksyen 214-220 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu pindahmilik diantara orang yang hidup dengan orang yang hidup.
- 22.2. Sekatan yang dikenakan keatas 'Tanah Adat' mengenai pindahmilik ini ialah sesuatu tanah adat tidak boleh dipindahmilik kepada seseorang kecuali kepada anggota perempuan dalam suku seperti yang dinyatakan dalam jadual B iaitu 12 suku dalam Adat Perpatih. Sekatan kedua ialah pindahmilik hendaklah dengan kebenaran dari Dato' Lembaga suku berkenaan. Walaupun dalam Enakmen tersebut tidak menghalang tanah kepunyaan sesuatu suku dipindahmilik kepada suku yang lain, tetapi mengikut kebiasaannya sekiranya ada permohonan sedemikian ia tidak akan dibenarkan oleh Dato' Lembaga berkenaan bagi mengelakkan sesuatu tanah adat berpindah ke suku lain.
- 22.3. Permohonan dibuat dibawah Seksyen 7 dengan menggunakan Borang yang ditentukan. Kes ini akan dipanggil bicara dan orang yang dipanggil ialah pemilik berdaftar di atas tanah itu, bakal penerima pindahmilik, anak-anak pemilik berdaftar lelaki dan perempuan serta Dato' Lembaga berkenaan. Adik beradik kepada pemilik berdaftar juga dipanggil sekiranya perlu. Peraturan ini sebenarnya untuk mengesahkan dan membuktikan bahawa pemilik berdaftar diatas sesuatu tanah adat bukanlah milik dia sepenuhnya dan beliau perlu minta kebenaran dari anggota keluarganya sebelum membuat sesuatu di atas tanahnya.
- 22.4. Kehadiran dan persetujuan Dato' Lembaga diperlukan untuk mengesahkan bahawa orang yang akan menerima pindahmilik ini adalah dari suku yang sama. Perintah kebenaran pindahmilik yang dikeluarkan hendaklah disertakan bersama dalam borang pindahmilik iaitu Borang 14A atau 14B mana-mana yang berkaitan.

22.5. Sebelum permohonan dibuat perlulah diingat sekatan yang dikenakan dibawah seksyen 205(3) dan (4) Kanun Tanah Negara 1965, dimana tanah-tanah adat ini kebanyakannya dalam kategori pertanian maka bahagian orang yang hendak menerima pindahmilik mestilah sekurang-kurangnya satu ekar. Sekiranya bahagian orang yang membuat pindahmilik memang sudah sedia kurang satu ekar, hanya seorang sahaja yang boleh menerima pindahmilik ini.

23. **URUSAN UNTUK MEMBAHAGI HARTA
PUSAKA "TANAH ADAT PERPATEH"**

23.1. Sebahagian besar daripada peruntukan dalam Enakmen Pemegangan Adat adalah membincangkan mengenai pembahagian harta pusaka. Ini adalah merupakan tugas tradisi dan paling utama bagi Dato'-Dato' Lembaga. Sebelum adanya Undang-Undang bertulis Dato'-Dato' Lembaga mempunyai kuasa penuh di atas perkara ini, tetapi setelah adanya undang-undang bertulis kuasa ini dikongsi secara bersama dengan Pentadbir Tanah Daerah, walaupun begitu pihak Inggeris yang memerintah dan menggubal undang-undang ini tidak menyerahkan atau menganggap kuasanya lebih rendah dari Dato'-Dato' Lembaga.

23.2. Permohonan dibuat dibawah seksyen 10 dengan menggunakan borang tertentu yang menyatakan nama simati, butir-butir tanah, surat mati, nama waris-waris dan Dato' Lembaga suku simati.

23.3. Prinsip asas dalam pembahagian ini ialah tanah yang telah dicatit sebagai tanah adat adalah dianggap sebagai 'harta dapatan'. Oleh itu pembahagiannya ialah berdasarkan prinsip 'dapatan tinggal'.

23.4. Secara ringkasnya orang-orang yang berhak mewarisi harta tersebut mengikut giliran adalah seperti berikut :-

23.4.1. Anak-anak perempuan simati, pembahagiannya adalah secara sama rata.

- 23.4.2. Cucu perempuan daripada anak perempuan, tidak kira samada anak perempuan itu meninggal dunia lebih dahulu atau kemudian dari simati dan seterusnya hingga ke bawah melalui keturunan sebelah perempuan.
- 23.4.3. Ibu simati
- 23.4.4. Saudara perempuan seibu sebapa dan seibu kepada simati dan anak-anak mereka yang perempuan hingga ke bawah (sanak saudara).
- 23.4.5. Saudara perempuan seibu sebapa dan seibu kepada ibu simati dan anak-anak perempuan mereka hingga kebawah (sanak ibu)
- 23.4.6. Wan simati (ibu kepada ibu simati)
- 23.4.7. Saudara perempuan seibu sebapa dan seibu kepada Wan (nenek) simati dan anak-anak perempuan mereka hingga ke bawah (sanak datuk).

24. KEDUDUKAN WARIS LELAKI DALAM TANAH ADAT PERPATEH

- 24.1. Mengikut peraturan adat, orang lelaki tidak boleh didaftarkan namanya dalam tanah adat, walaupun demikian mereka dibenarkan mengusahakan dan makan hasil tanah adat tersebut.
- 24.2. Dalam keadaan-keadaan tertentu orang lelaki boleh didaftarkan sebagai menghuni sepanjang hayat (life occupant) contohnya seperti berikut :-

Simati meninggalkan :-

- 24.2.1. Seorang anak lelaki
- 24.2.2. Saudara perempuan seibu sebapa dua orang.

24.3. Dalam kes ini tanah simati dibahagi dua sama rata di antara dua orang saudara perempuan seibu sebapa simati dan anak lelaki akan didaftarkan namanya sebagai penghuni sepanjang hayat - semua bahagian.

24.4. Contoh lain ialah simati meninggalkan :

24.4.1. Saudara lelaki seibu sebapa dua orang.

24.4.1. Emak saudara seibu sebapa seorang tetapi sudah meninggal dunia dan ada anak-anak perempuan empat orang.

24.5. Dalam kes di atas, tanah simati dibahagi empat sama rata diantara empat orang anak-anak perempuan kepada emak saudara simati dan dua orang saudara lelaki seibu sebapa didaftarkan sebagai penghuni sepanjang hayat dibahagi dua sama rata.

24.6. Sekiranya simati tidak ada waris perempuan langsung, yang ada cuma anak lelaki atau saudara lelaki seibu sebapa atau seibu sahaja maka harta pusaka ini dikenali sebagai pusaka gantung. Waris lelaki tersebut berhak untuk mohon supaya tanah ini dijual secara lelong mengikut peraturan dalam lelong gadaian tanah adat, dan duit jualan lelong diberikan kepada waris lelaki tersebut.

24.7. Sekiranya simati tidak waris lelaki dan perempuan, Pentadbir Tanah Daerah boleh memerintahkan supaya tanah ini dijual secara lelong juga dan hasil jualan lelong diserahkan kepada Baitulmal.

25. KEDUDUKAN ANAK ANGKAT DAN HAKNYA DALAM PERWARISAN TANAH ADAT.

25.1. Huraian mengenai anak angkat dalam adat perpatih dijelaskan dengan panjang lebar oleh E.N.Taylor. Walaupun demikian, disini hanya dijelaskan dua jenis anak angkat iaitu:

25.1.1. Anak angkat perempuan yang diambil dari kaum keluarganya sendiri yang sama suku dengan emak angkatnya (anak tarik).

25.1.2. Anak angkat perempuan yang diambil dari bangsa asing atau orang Melayu dari luar lalu dimasukkan dalam suku emak angkatnya melalui upacara berkedin atau berkadim (anak angkat berkadim).

25.2. Secara umumnya kedudukan anak angkat ini dari segi perwarisan adalah seperti berikut :

25.2.1. Sekiranya simati tidak ada waris-waris adat seperti yang diterangkan di atas, kecuali anak angkat sahaja maka beliau atau mereka berhak mewarsi semua sekali.

25.2.2. Sekiranya simati ada waris-waris lain, maka bahagian anak angkat ditentukan mengikut persetujuan waris-waris tersebut atau sekiranya ada pertelingkahan diuntukkan setakat 1/3 bahagian sahaja.

25.2.3. Sekiranya anak angkat sudah diberikan harta semasa masih hidupnya maka bahagiannya selepas emak angkatnya meninggal ditentukan oleh waris-waris lain. Sekiranya waris-waris lain tidak bersetuju, anak angkat tidak mewarisi bahagian harta simati yang tinggal.

26. URUSAN UNTUK MEMBAHAGI HARTA PUSAKA "TANAH ADAT LENGKONGAN"

26.1. Permohonan untuk pembahagian harta pusaka dibuat dibawah Seksyen 10 Enakmen berkenaan. Cara dan prosedur perjalanan perbicaraan adalah sama dengan Enakmen Pemegangan Adat Bab 215. Tetapi Adat Perpateh Lengkongon mengamalkan peraturan perwarisan yang berbeza dengan Adat Perpateh biasa.

26.2. Contoh 1 : seorang perempuan mati dan meninggalkan waris-waris berikut :

<u>No.</u>	<u>Waris</u>	<u>Bahagian</u>
1.	Suami	- Tiada -
2.	Anak perempuan	1
3.	Anak perempuan	1
4.	Anak lelaki	1
5.	Anak lelaki	1
		4
		=====

26.3. Contoh II : Seorang perempuan mati dan meninggalkan waris-waris berikut :

<u>No.</u>	<u>Waris</u>	<u>Bahagian</u>
1.	Anak perempuan telah meninggal dunia dan meninggalkan :	Bahagian beliau diturunkan terus kepada anak anaknya.
	i) Cucu perempuan	1
	ii) cucu perempuan	1
	iii) cucu lelaki	1
2.	Anak lelaki telah meninggal dunia dan meninggalkan :	(Tidak ada bahagian)
	i) cucu perempuan	Tiada bahagian
	ii) cucu lelaki	Tiada bahagian
3.	Anak perempuan	3
4.	Anak perempuan	3
		9
		=====

26.4. Seperti yang diterangkan dalam contoh di atas anak lelaki dan perempuan dalam Adat Perpatih Lengkongan berhak mewarisi secara sama rata. Bahagian yang didaftarkan atas nama perempuan akan menjadi harta dapatan dan akan dibahagi mengikut prinsip dapatan tinggal kepada waris-waris adat si perempuan itu sekiranya beliau mati. Bahagian yang didaftarkan atas nama lelaki akan menjadi harta pembawaan dan akan dibahagi mengikut prinsip pembawaan kembali seperti berikut :

26.5. Contoh III : seorang lelaki mati dan meninggalkan waris-waris berikut :-

<u>No.</u>	<u>Waris</u>	<u>Bahagian</u>
1.	Isteri	Tiada bahagian
2.	Anak lelaki	Tiada bahagian
3.	Anak perempuan	Tiada bahagian
4.	Saudara perempuan seibu	1
5.	Saudara lelaki seibu sebapa	1
6.	Saudara perempuan seibu sebapa	1
		3
		=====

26.6. Maksud pembawaan kembali itu ialah harta itu dikembalikan semula kepada sukunya yang asal. Oleh sebab isteri dan anak-anak sisuami itu berlainan suku dari suaminya maka mereka tidak berhak mewarisi harta adat ini.

26.7. Secara ringkasnya orang yang berhak mewarisi tanah adat lengkongan mengikut giliran adalah seperti berikut :

26.7.1. Anak-anak perempuan dan lelaki simati, pembahagiannya adalah secara sama rata. Sipemilik harta hendaklah perempuan.

26.7.2. Cucu perempuan dan cucu lelaki daripada anak perempuan tidak kira samada anak perempuan itu meninggal dunia lebih dahulu atau kemudian dari simati dan seterusnya kebawah melalui keturunan sebelah perempuan. Sipemilik harta hendaklah perempuan.

26.7.3. Ibu simati.

26.7.4. Saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu, dan anak-anak mereka lelaki dan perempuan, serta keturunan mereka dari sebelah perempuan.

26.7.5. Saudara lelaki seibu sebapa dan saudara lelaki seibu, mereka sama tarafnya dengan waris 26.7.4 di atas.

26.7.6. Wan simati (ibu kepada ibu simati)

26.7.7. Saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu kepada ibu simati serta anak-anak mereka lelaki dan perempuan serta keturunan mereka dari sebelah perempuan.

26.7.8. Saudara lelaki seibu sebapa dan saudara lelaki seibu kepada ibu simati. Mereka sama tarafnya dengan waris 26.7.7. di atas.

26.7.9. Saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan seibu kepada wan simati serta anak-anak mereka lelaki dan perempuan serta keturunan mereka dari sebelah perempuan.

26.7.10. Saudara lelaki seibu sebapa dan saudara lelaki kepada wan simati. Mereka sama tarafnya dengan waris 26.7.9. di atas.

**27. PERBEDAAN PEMBAHAGIAN HARTA "TANAH ADAT"
DAN PEMBAHAGIAN MENGIKUT FARAIID.**

27.1. Sistem perwarisan mengikut Adat Perpatih tidak membenarkan waris-waris berikut didaftarkan namanya di atas tanah adat itu iaitu :

27.1.1. Suami

27.1.2. Anak lelaki

27.1.3. Cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak lelaki

27.1.4. Bapa simati

27.1.5. Saudara lelaki seibu sebapa dan anak-anak mereka.

27.1.6. Saudara lelaki sebapa dan anak-anak mereka.

- 27.1.7. Saudara perempuan sebapa
- 27.1.8. Saudara lelaki seibu
- 27.1.9. Dato' simati (bapa kepada bapa simati)
- 27.1.10. Saudara lelaki seibu sebapa kepada bapa simati serta anak-anak mereka.
- 27.1.11. Saudara lelaki sebapa kepada bapa simati serta anak-anak mereka.
- 27.1.12. Saudara perempuan sebapa kepada bapa simati.
- 27.1.13. Saudara lelaki seibu kepada bapa simati.
- 27.2. Alasan tidak boleh didaftarkan kerana undang-undang bertulis dalam Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 menyatakan tanah adat hanya boleh diturunkan kepada waris-waris perempuan dan mereka hendaklah sama "sukunya dengan "suku simati"
- 27.3. Sistem perwarisan mengikut Adat Perpatih Lengkongan tidak membenarkan waris-waris berikut didaftarkan di atas tanah adat lengkongan itu iaitu :
 - 27.3.1. Isteri
 - 27.3.2. Anak lelaki dan perempuan kepada sipemilik tanah lelaki.
 - 27.3.3. Cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak lelaki.
 - 27.3.4. Bapa simati.
 - 27.3.5. Anak-anak kepada saudara lelaki seibu sebapa.
 - 27.3.6. Anak-anak kepada saudara lelaki sebapa.
 - 27.3.7. Dato' simati (bapa kepada bapa simati)
 - 27.3.8. Anak-anak kepada saudara lelaki seibu sebapa kepada bapa simati.
 - 27.3.9. Anak-anak kepada saudara lelaki sebapa kepada bapa simati.

- 27.4. Alasan tidak boleh didaftarkan kerana undang-undang bertulis dalam Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkungan) 1960 menyatakan tanah adat lengkungan hanya boleh diturunkan kepada waris-waris yang mana "suku" mereka sama dengan "suku simati"
- 27.5. Kesemua waris-waris yang disenaraikan di bawah perenggan 27.1. dan 27.3. di atas adalah waris-waris yang berhak mewarisi harta simati mengikut faraid.

28. ADAKAH PEMBAHAGIAN HARTA ORANG-ORANG ISLAM DIMALAYSIA DI LUAR DARIPADA NEGERI SEMBILAN DIBUAT MENGIKUT FARAIID.

- 28.1. Mengikut agama Islam difinasi secara umum mengenai harta pusaka ialah apa-apa benda berharga yang ditinggalkan atau harta peninggalan (tirkah) simati yang dibenarkan oleh syariat untuk dipusakai oleh para ahli waris. Ini termasuk segala faedah-faedah dan segala bebanan atau tanggungan yang akan timbul dari harta-harta itu.
- 28.2. Sebelum harta-harta itu dibahagikan, terlebih dahulu hendaklah diselesaikan tanggungan keatas harta itu seperti zakat hartanya sekiranya sudah sampai nisab, perbelanjaan pengkebumian sekadar yang wajib disempurnakan, hutang-hutang simati, disempurnakan wasiatnya yang mengikut syariat tidak lebih dari satu pertiga dan baki harta yang tinggal dibahagi kepada waris-waris yang berhak mengikut faraid.
- 28.3. Walaupun demikian pentadbiran harta pusaka di Malaysia secara umum memberi peruntukan sekiranya harta-harta simati pada masa hidupnya ditadbirkan mengikut undang-undang tertentu maka selepas kematiannya harta itu dibahagi mengikut peruntukan dalam undang-undang itu. Contoh-contohnya :
- 28.3.1. Harta pusaka terdiri dari wang pencen dan ganjaran (gratuity). Mengikut "Pensions Act 1980 (287/1980) diberikan kepada tanggungan simati sahaja, pembahagian harta ini tidak tertakluk kepada faraid.

- 28.3.2. Harta pusaka terdiri dari wang caruman dalam KWSP dan Socso. Mengikut "Employees Provident Fund Act (452/1991)" dan Employees Social Security Act 1969 (4/1969) diberikan kepada penama sahaja, sekiranya pencarum tidak mengisi penamaan pembahagiannya tertakluk kepada faraid.
- 28.3.3. Harta pusaka terdiri dari polisi insuran nyawa. Mengikut seksyen 44 "Insurance Act 1963 (89/1963)", waris yang dinamakan dalam borang penamaan adalah berhak mendapatkan semua jumlah wang dalam polisi insuran tersebut.
- 28.3.4. Harta pusaka terdiri dari wang simpanan dalam semua institusi kewangan dan syarikat-syarikat kerjasama yang ada penama. Sekiranya penyimpan telah mengisi borang penamaan maka penama sahaja yang boleh mengeluarkan wang tersebut.
- 28.3.5. Harta pusaka terdiri dari tanah-tanah yang ditabirkan dibawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Seksyen 16 akta ini mensyaratkan supaya tanah tersebut diberikan kepada seorang waris sahaja, waris-waris lain dikehendaki menyerahkan bahagian masing-masing kepada seorang saja.
- 28.3.6. Harta pusaka terdiri dari tanah yang diwartakan dibawah Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan 1956. Mana-mana tanah yang diwartakan didalam " Kawasan Penyelesaian (Settlement Area) dimana pemiliknya telah meninggal dunia lebih sepuluh tahun dari tarikh pengwartaan maka pembahagian harta itu mengikut peruntukan dalam ordinan di atas dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.

28.3.7. Harta pusaka terdiri dari tanah yang diwartakan dibawah Enakmen Penyelesaian Tanah Perlis 1966. Mana-mana tanah yang diwartakan didalam kawasan Penyelesaian (Settlement Area) dimana pemiliknya telah meninggal dunia lebih dari enam tahun dari tarikh pengwartaan maka pembahagian harta itu mengikut peruntukan dalam Enakmen itu dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.

28.3.8. Harta pusaka terdiri dari harta-harta amanah dimana simati didaftarkan sebagai pemegang amanah mengikut peruntukan dalam "Trustee Act 1949 (208/1949). Harta-harta tersebut akan diturunkan kepada benifisiari yang dinamakan dalam "Suratan Ikatan Amanah" atau melantik pemegang amanah baru. Pembahagian harta ini tidak tertakluk kepada faraid.

28.4. Daripada contoh-contoh di atas jelaslah kepada kita bahawa harta pusaka akan dibahagi kepada waris-warisnya mengikut faraid selepas mengambil kira segala tanggungan di atas harta itu, tanggungan simati dan peruntukan undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan harta itu.

29.5. Amalan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Negeri Sembilan pada masa ini sebenarnya tidak berbeda dengan negeri lain cuma peruntukan undang-undang bertulis yang diambil kira sebelum harta-harta itu dibahagi kepada waris-warisnya mengikut faraid telah ditambah kepada dua lagi undang-undang iaitu Enakmen Pemegangan Adat Bab 215 dan Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lengkongan) Tahun 1960.

30. MASALAH-MASALAH TANAH ADAT MASA KINI

30.1. Di bawah Kanun Tanah Negara 1965 Tanah Adat dikatogerikan sebagai pertanian (Agriculture) tetapi ada dua syarat nyata yang dicatit dalam Suratan Hakmilik iaitu samada 'kampong' atau 'sawah'.

- 30.2. Tanah kampung biasanya adalah untuk tapak rumah dan ditanam dengan pokok buah-buahan, kelapa dan jarang terbiar. Walaupun demikian sekiranya pemilik berdaftar di atas tanah itu bermastautin di luar Negeri Sembilan kerana berkerja atau mengikut suaminya maka tanah kampung dan rumah diatasnya akan menjadi kampung terbiar.
- 30.3. Bagi tanah adat yang mempunyai syarat nyata 'sawah' pada masa ini kebanyakannya terbiar atau ditinggalkan atas sebab-sebab ia sudah tidak sesuai dengan tanaman padi atau sengaja dibiarkan kosong. Tetapi pada masa ini FELCRA sebagai agensi yang memajukan tanah-tanah berbiar sedang berusaha untuk membangunkan dan memajukan tanah-tanah ini dengan tanaman kelapa sawit.
- 30.4. Aspek lain ialah kebanyakan tanah-tanah adat dimiliki secara berkongsi dan sebahagian dari pemilik-pemiliknya tidak tinggal di atas tanah itu, malahan ada yang duduk dan bermastautin diluar daripada Negeri Sembilan dan tidak diketahui alamat tempat tinggalnya. Apabila tanah itu hendak dimajukan, menghadapi kesukaran untuk mendapatkan persetujuan dari pemilik-pemilik berkenaan.
- 30.5. Pemilik-pemilik yang didaftarkan di atas tanah adat telah menganggap dirinya sebagai berkuasa penuh diatas tanah yang dimilikinya. Walaupun adat menyatakan orang lelaki dibenarkan untuk mengerjakan dan makan hasil di atas tanah berkenaan tetapi peraturan adat yang tidak bertulis ini kerap kali tidak dipatuhi. Keadaan inilah yang menimbulkan perselisihan yang berpanjangan pada masa ini.
- 30.6. Tanah-tanah adat yang telah dimasukkan kedalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan seperti Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah mempunyai potensi untuk dibangunkan menjadi tanah kediaman atau perniagaan tetapi memandangkan pasarannya hanya terhad kepada orang perempuan dalam suku tertentu sahaja maka ia tidak akan memberi pulangan yang menguntungkan.

- 30.7. Fenomina tanah adat ialah kebiasannya satu geran tanah dimiliki oleh ramai orang secara berkongsi. Pejabat Tanah mengalami kesukaran untuk memungut cukai, kerana menentukan berapakah banyaknya cukai yang perlu dibayar oleh tiap-tiap pemilik berkongsi dan kepada siapakah cukai itu akan diminta. Pemilik-pemilik pula berselisah faham siapakah yang perlu membayar cukai dan berapa bahagian masing-masing.
- 30.8. Pemilik-pemilik berkongsi kadang-kadang tidak mengetahui dimana bahagian mereka di atas tanah itu, setengahnya tidak menghiraukan langsung bahagian itu atau membiarkan bahagiannya dikerjakan oleh pemilik lain dan apabila pemilik itu meninggal dunia waris-warisnya tidak menyedari emaknya mempunyai bahagian di atas tanah itu.
- 30.9. Pemilik-pemilik berkongsi mungkin berselisah faham untuk menentukan bahagian masing-masing di atas tanah itu. Perselisihan juga timbul dari cara-cara hendak membahagikan hasil yang keluar dari tanah itu, misalnya sebatang pokok kelapa atau durian dimiliki oleh beberapa orang, siapakah pemilik yang benar-benar berhak dan berapakah bahagian atau hak masing-masing.

31. CABARAN DI ATAS TANAH ADAT


- 31.1. Selepas mendengar huraian yang panjang lebar mengenai tanah adat dari segala aspek maka terpulanglah kepada peserta sekalian untuk menilai semula kedudukannya dari segi perpektif undang-undang Islam.
- 31.2. Sekiranya pemilik asal semasa hendak mendaftarkan permohonan tanah pusaka itu menjadi tanah adat dengan niat untuk mengekalkan harta itu supaya dimiliki oleh keturunannya yang perempuan sahaja, maka adakah perbuatannya itu boleh dianggap dia telah mewakafkan tanah itu sebagai wakaf khas kepada zuriatnya yang perempuan sahaja.

31.3. Terpujulah kepada para peserta sekalian untuk memberi tafsiran masing-masing.

DISEDIAKAN OLEH :

SULAIMAN BIN KADIMI
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 5.11.1997



Sumber: M.B. Hooker 'Reading In
Malay adat laws.'